

<b>Title</b>	<b>Laporan Inovasi –Batu Tanda Jarak Sungai</b>
<b>Type of Reference</b>	<b>Quality</b>
<b>Category</b>	<b>Innovation</b>
<b>Author</b>	<b>Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Yan, Kedah</b>
<b>Reference No.</b>	<b>Q-I-007</b>
<b>Date of Publication</b>	<b>2-1-2001</b>
<b>Keywords</b>	<b>Innovation, Inovasi</b>
<b>Source</b>	<b>Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Yan, Kedah</b>

LAMPIRAN 'A'

**LAPORAN USAHA INOVASI / PENAMBAHBAIKAN  
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

**1. KETERANGAN TENTANG ORGANISASI DI MANA SESUATU PROGRAM PERUBAHAN DILAKSANAKAN.**

- i) Tajuk Inovasi : Batu Tanda Jarak Sungai
- ii) Bahagian/ Daerah / Projek : Jabatan Pengairan dan Saliran Kota Setar/ Pendang/Yan.
- iii) Nama Unit : Daerah Yan.
- iv) Objektif Unit : Memudahkan Pemantauan Jabatan terhadap sungai di daerah.
- v) Saiz Unit : 5 orang
- vi) Pegawai Yang Terlibat :

Bil.	Nama	Jawatan	Gred	Tajuk Inovasi / Penambahbaikan
1	Khalil b. Yusoff	Juruteknik	J7	Batu Tanda Sungai
2	Mohd. Azizi b. Zakaria	Sambilan	-	
3	Sabri b. Abu Yazid	Sambilan	-	
4	Abdul Rani b. Osman	Sambilan	-	
5	Ismail b. Mat	PRA	-	

**2. KEADAAN SEBELUM PROGRAM INOVASI**

1. Aduan mengenai sungai dari orang ramai yang diterima biasanya berdasarkan kepada rumah orang-orang kampung, surau, jambatan dan lain-lain penanda yang terdapat berhampiran.
2. Siasatan adakalanya memakan masa dan tidak menentu kerana tidak dapat berjumpa dengan pengadu dan lokasi yang bermasalah tidak dapat ditemui.
3. Kerja-kerja penyelenggaraan sungai tidak dapat ditentu dengan cepat.

### 3 MASALAH YANG DIHADAPI.

1. Sukar dikesan lokasi atau aduan berdasarkan tanda-tanda dan alamat yang diberikan oleh orang ramai terutamanya bagi kawasan di pendalaman yang tiada selarang binaan serta struktur.
2. Sukar memantau kerja-kerja penyelenggaraan yang dibuat oleh pihak kontraktor yang sering bersilihganti (berjaya dalam sebutarga) walaupun dilaksanakan secara rutin 3 hingga 6 pusingan setahun.
3. Kerja-kerja perancangan bagi pembangunan sungai sukar dirancang dengan tepat kerana tiada panduan jarak serta lokasi yang tetap memandangkan sungai yang panjang dan masalah yang dihadapi hampir-hampir sama bagi sesuatu tempat.

### 4 KETERANGAN TENTANG PROGRAM INOVASI/PENAMBAHBAIKAN YANG DILAKSANAKAN.

Setiap batu tanda jarak sungai mempunyai tiga(3) permukaan yang mana setiap satu permukaan mencatatkan:

- i) Jarak dalam meter bermula dari muara dgn CH 0
- ii) Nama Sungai tersebut
- iii) Logo Jabatan

Berbentuk tiang tiga segi yang ditanam dgn jarak 1.5 m dari tebing yang sering digunakan dalam kerja penyelenggaraan spt. dalam 'manual prosidur kerja'

Ketinggian tiang tersebut adalah 1.1 m dari tanah supaya mudah dikesan atau dipandang.

Batu tanda jarak sungai ini dicadang ditanamkan bermula dari kuala sungai dgn CH 0 sehingga ke hulu sungai yang difikirkan sesuai dengan jarak anantara satu tiang ke satu tiang dalam 500 meter.

## 5 HASIL, FAEDAH DAN KEBAIKAN DARI INOVASI

### a. *Pengurangan Kos*

Projek ini merupakan permulaan bagi menanda jarak bagi sungai di daerah khususnya bagi Jabatan Pengairan dan Saliran yang mana telah diusahakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya pada jalan-jalan di seluruh negara.

### b. *Penjimatan Masa*

Setelah dibina batu tanda jarak sungai orang ramai serta masyarakat setempat mudah membuat aduan berdasarkan batu tanda yang terdapat di tepi sungai atau lokasi tersebut serta memudahkan pihak jabatan membuat siasatan juga mengambil tindakan yang sepatutnya dengan lebih licin dan menjimatkan masa.

### c. *Peningkatan Hasil*

Kerja -kerja pemantauan dan pengawasan kerja-kerja penyelenggaraan sungai dapat dibuat dengan lebih mudah, cepat dan tepat. Penentuan skop kerja sungai dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dari segi teknikal berpandukan jarak dalam meter. Ini memberi peningkatan dalam penghasilan kerja di tapak.

*d. Peningkatan Dalam Tahap Kepuasan Hati Pelanggan*

Hasil yang akan diperolehi khususnya oleh Jabatan Pengairan dan Saliran dari kacamata orang ramai berkaitan sungai ke arah positif iaitu mengajar masyarakat membuat aduan lebih bermirip teknikal berpandukan jarak dalam meter dan memberi gambaran kepada umum bahawa Jabatan Pengairan dan Saliran amat perihatin dan peka berkaitan sungai.

*e. Lain-lain Faedah*

Memudahkan dalam tugas-tugas seharian yang melibatkan sungai sesuai dengan tanggungjawab jabatan yang lebih mirip kepada sungai.

## 6 FAKTOR-FAKTOR KEJAYAAN UTAMA

Sekiranya dilaksanakan di seluruh daerah dengan satu standard yang sama memungkinkan kejayaan dan keseragaman yang amat ketara bagi orang ramai yang secara tidak langsung mengubah moral dan imeg masyarakat dari aspek-aspek negatif contohnya membuang sampah, setingan dan sebagainya.

## 7 PEMBELAJARAN YANG DIPEROLEHI

Sungai adalah khazanah alam yang perlu dipikul tanggungjawab oleh Jabatan Pengairan dan Saliran khususnya. Ini jelas terbukti, sebut sahaja Jabatan Pengairan dan Saliran orang ramai akan terbayang jabatan yang bertanggungjawab terhadapnya Jabatan Pengairan dan Saliran.